

TEKS UCAPAN

**YANG MULIA AWANG SALMINAN
BIN HAJI BURUT
SETIAUSAHA TETAP
(BANDARAN DAN DAERAH)**

**PADA MAJLIS PENUTUP
BENGKEL TRANSFORMASI
SATU KAMPUNG SATU PRODUK (1K1P)**

**Hari Sabtu,
17 Zulhijjah 1441 bersamaan 08 Ogos 2020
Jam 2.30 petang
Bertempat di Tingkat 2, Bangunan PGGMB
Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan**

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillahilahi Rabbil 'Alameen, Wassalatu
Wassalamu 'Ala
Asrafil Anbiae Walmursaleen, Sayyidina
Muhammaddin,
Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat,
Pehin Orang Kaya Seri Kerna
Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar Bin Haji
Apong
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia,
Puan Hajah Noraini binti Haji Sulaiman
Deputy Managing Director
Bank Islam Brunei Darussalam Berhad,

Yang Mulia,
Awang Abdul Walid bin Haji Matassan,
Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah),
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia,
Pegawai-Pegawai Daerah dan Pemangku Pegawai
Daerah,

Yang Mulia,
Pegawai-Pegawai Kanan Bank Islam Brunei
Darussalam,

Yang Mulia,
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Daerah,

Hadirin dan hadirat selaku peserta-peserta kursus
yang peramba / koala / saya hormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah S.W.T di atas segala nikmat serta limpah kurniaNya kepada kita semua, dan juga di atas keizinanNya menemukan kita dalam Majlis Penutup Bengkel Transformasi Satu Kampung Satu Produk (1K1P) pada petang ini.
2. Sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar Bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil Penyertaan kepada peserta-peserta kursus, menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Bank Islam Brunei Darussalam dan melancarkan *Prototype* Produk Premium 1K1P pada petang

ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Pehin mencerminkan keperihatinan Yang Berhormat Pehin tentang kepentingan kursus ini diadakan, yang bertujuan untuk meningkatkan pengurusan projek-projek 1K1P sedia ada kepada tahap entiti perniagaan sebenar termasuklah mempunyai tadbir urus korporat (*governance*), pelan pampasan (*compensation plan*) dan dokumentasi perniagaan yang teratur serta menghasilkan produk-produk yang berkualiti dan mempunyai pembungkusan serta jenama yang bertaraf premium di pasaran.

3. Kursus Transformasi 1K1P 2020 adalah usaha dan inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam selaku pengendali kursus bagi menyediakan satu program latihan yang khusus kepada usahawan-usahawan di bawah program 1K1P. Di dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak

BIBD di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan di dalam merangka dan juga mengendalikan program latihan Transformasi 1K1P 2020 ini dan seterusnya berharap lebih banyak lagi program akan dikendalikan secara bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan BIBD di masa akan datang.

4. Program latihan Transformasi 1K1P 2020 ini terbahagi kepada lima (5) fasa utama iaitu Transformasi 1K1P *Bootcamp*, Bengkel Transformasi 1K1P, Latihan Penambahbaikan Produk 1K1P, Produk Premium 1K1P *Showcase* dan Produk Premium 1K1P Di Pasaran.
5. Fasa I – Transformasi 1K1P *Bootcamp* telah diadakan pada 27 Julai hingga 30 Julai 2020 dengan penglibatan seramai 35 orang usahawan 1K1P mewakili Majlis Perundingan Kampung (MPK) di daerah masing-masing yang menghasilkan pelbagai jenis produk di bawah kategori makanan, kraftangan, perkhidmatan dan

juga pertanian. Di dalam *bootcamp* ini, para peserta kursus telah didedahkan kepada pelbagai pengetahuan dan latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam memahami kekuatan dan kelemahan produk masing-masing serta pengetahuan di dalam menyediakan Pelan Perancangan Perniagaan yang lebih teratur.

6. Seterusnya, seramai 19 orang peserta dari kalangan peserta-peserta kursus Fasa I telah terpilih bagi meneruskan latihan di dalam Fasa II – Bengkel Transformasi 1K1P bermula pada 03 Ogos hingga 07 Ogos 2020. Di dalam kursus ini, sebanyak enam (6) lagi topik telah dikongsikan bagi membolehkan para peserta memperolehi pengetahuan dan kemahiran di antaranya dalam menyediakan strategi pemasaran dan jualan produk, penjenamaan, pembungkusan dan label produk serta latihan membangunkan semula produk.

7. Kursus yang dilaksanakan dengan konsep akademi (*classroom*) dan *marketplace* ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi sesama mereka kerana para peserta kursus adalah dihimpunkan dari keempat-empat daerah, maka sudah tentunya memberikan ruang untuk mereka bertukar-tukar ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang boleh digunakan dalam memajukan lagi perniagaan dan seterusnya menghasilkan produk-produk yang lebih berkualiti dan memenuhi permintaan pasaran.

8. Dalam menempuhi era Revolusi Industri 4.0 dengan kemajuan inovasi digital dan penghasilan Internet Kebendaan atau *Internet of Things (IOT)*, usahawan-usawahan 1K1P juga tidak terkecuali daripada keperluan untuk mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bentuk digital serta automasi penggunaan mesin jentera yang lebih moden. Oleh yang demikian, kursus ini telah dirangka dengan mengambilkira akan

keperluan-keperluan tersebut termasuklah inovasi teknologi digital dalam membantu perkembangan perniagaan dan pemasaran produk secara dalam talian serta penggunaan sistem pembayaran konsep pintar seperti BIBD Payless (Quickpay dan *mobile banking*). Ini secara tidak langsung akan dapat menyediakan usahawan-usahawan 1K1P yang lebih berkeyakinan, berpengetahuan dan berkemahiran untuk bersaing di peringkat tempatan dan rantau ASEAN.

9. Selain itu, kursus ini juga dihasratkan untuk menghasilkan produk-produk 1K1P yang lebih berkualiti dan berdayamaju serta mempunyai pembungkusan produk yang menarik dan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan sebagai Produk Premium. Para peserta kursus di Fasa II ini telah dilatih secara praktikal untuk membangunkan semula produk masing-masing termasuklah menghasilkan produk yang

ditambah nilai dari segi rasa, warna dan reka bentuk mengikut permintaan semasa (*trendy*). Penjenamaan produk (*branding*) yang betul dengan penggunaan pembungkusan dan label yang berkualiti diharapkan dapat mengangkat produk-produk 1K1P sedia ada ke tahap yang lebih baik.

10. Adalah menjadi harapan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri agar kursus ini dapat memberi manfaat kepada semua selaras dengan hala tuju program 1K1P dan objektif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengangkat serta mengiktiraf usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta masyarakat di peringkat akar umbi di dalam menghasilkan produk-produk yang mempunyai nilai komersil serta berdaya maju bagi menambah pendapatan dan meningkatkan saradiri dan sarahidup masyarakat sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035.

11. Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang telah mengikuti dan seterusnya berjaya menamatkan kursus ini.

12. Akhirnya, peramba / kaola / saya bagi mewakili semua yang hadir sekali lagi dengan sukacitanya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar Bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana berkesudian hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil Penyertaan kepada peserta-peserta kursus, menyaksikan tandatangan Memorandum Of Understanding (MOU) di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Bank Islam Brunei Darussalam dan melancarkan *prototype* Produk Premium 1K1P.

13. Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga tidak lupa peramba / kaola / saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat di dalam mengungkayahkan program latihan ini yang terdiri dari pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Bank Islam Brunei Darussalam, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi lain dan juga kepada peserta-peserta kursus ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.